

Asri ramal pilihanraya tidak lama lagi

ALOR SETAR, Sabtu — Yang di-Pertua PAS, Datuk Haji Mohamed Asri meramalkan pilihanraya pasti diadakan tidak lama lagi, berdasarkan beberapa 'alamat' yang nyata.

Ala m a t - a l a m a t tersebut, menurutnya, ialah laporan-laporan akhbar mengenai kemasukan ahli PAS ke dalam UMNO, perlunya kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed mendapat mandat baru dari rakyat dan juga lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Arab, mulai hari ini.

Berucap di ceramah anjuran PAS/Limbong malam tadi, beliau, bagaimanapun, percaya pilihanraya umum tidak akan diadakan dalam bulan April seperti yang dijangka ramai. Tetapi akan diadakan bulan Mei.

"Perubahan tarikh ini, adalah untuk memberi masa yang lebih kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menggunakan daftar pengundi yang baru," katanya.

Mengulas mengenai alamat-alamat yang disebutkannya itu, Datuk Asri berkata, laporan mengenai kemasukan ahli PAS ke dalam UMNO selalunya timbul

menjelang pilihanraya.

Tentang perlunya Datuk Seri Dr. Mahathir mendapatkan mandat baru dari rakyat, menurut Datuk Asri, ini ialah kerana mandat yang ada sekarang "bukan haknya."

Selain itu, lawatan Perdana Menteri ke negara-negara Teluk Arab mulai hari ini, ialah untuk mencari "modal" bagi pilihanraya akan datang, katanya.

Datuk Asri juga yakin keadaan ekonomi yang meleset sekarang memaksa kerajaan mengadakan pilihanraya lebih awal kerana ia tidak mampu menunggu lebih lama kerana kesannya adalah buruk untuk kerajaan sendiri.

Katanya, PAS sentiasa siap sedia menghadapi pilihanraya nanti dan berazam menawan beberapa buah negeri dari kerajaan Barisan Nasional. Negeri-negeri itu, termasuk Kedah, Kelantan, Trengganu dan Perlis. — Bernama.